

## **STATUS KEWANGAN DAN TEKANAN DALAM KALANGAN PELAJAR**

**NORAZNIDA HUSIN**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[noraznida@kuis.edu.my](mailto:noraznida@kuis.edu.my)

### ***ABSTRAK***

Pada masa kini ramai yang mengeluh dengan peningkatan kos sara hidup tidak kira sama ada di bandar atau luar bandar. Antara isu kewangan yang berlaku adalah di kalangan pelajar yang institusi pengajian tinggi. Kebanyakkan pelajar bergantung sepenuhnya terhadap pinjaman pengajian untuk menjalani kehidupan sebagai penuntut institusi pengajian tinggi awam maupun swasta. Ketidaktentuan ekonomi pada masa kini telah mendorong mahasiswa sekurang-kurangnya mempunyai kemahiran asas dalam mengurus kewangan. Ini kerana golongan ini mudah terdedah dengan pengurusan kewangan yang kurang bijak sehingga menyebabkan masalah kewangan dan tekanan terhadap prestasi akademik dan keperibadian mahasiswa. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap masalah kewangan dalam kalangan mahasiswa, amalan pengurusan kewangan dan tekanan yang dihadapi oleh pelajar sehingga meninggalkan kesan yang negatif terhadap pembelajaran. Seramai 112 orang pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor telah dipilih berdasarkan persampelan bertujuan dari Fakulti Pengurusan Mualamah. Data dikumpul melalui pengedaran *google form* berbentuk soalan tertutup dan skala likert. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perincian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) secara deskriptif. Dapatkan kajian mendapati majoriti responden yang menghadapi masalah kewangan adalah berasal daripada latar belakang keluarga atau isi rumah bependapatan rendah iaitu B40 dan sumber kewangan pengajian adalah sepenuhnya daripada pinjaman seperti PTPTN. Hasil dapatan juga mendapati sumber kewangan yang diperolehi setiap semester tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan. Majoriti pelajar juga berpendapat terpaksa bekerja sambilan untuk membantu dalam pembiayaan pengajian selain daripada bantuan ibu bapa. Justeru itu, semua pihak khususnya kerajaan sewajarnya menangani masalah ini untuk mengelakkan dari terus berlanjutan seperti meningkatkan jumlah pembiayaan selari dengan peningkatan kos sara hidup pada masa kini agar wang yang diperolehi cukup untuk menampung pembelajaran dan perbelanjaan setiap semester.

**Kata kunci:** *Gelagat perbelanjaan, Pengurusan kewangan, Kekangan kewangan, Tekanan.*

### **PENGENALAN**

Pengurusan kewangan merupakan salah satu perkara penting dalam memastikan kehiduan seharian berjalan dengan lancar. Tidak kira sama ada individu tersebut masih bujang atau sudah berkeluarga. Hatta mahasiswa yang belajar juga perlu memastikan pengurusan kewangan ini dirancang dengan baik agar mereka sentiasa komited dalam pembelajaran dan bukan menjadi penghalang untuk berjaya dalam akademik. Golongan sasaran ini adalah sangat penting kerana mereka bakal masuk ke alam pekerjaan dan perlu berdikari dengan pendapatan sendiri. Perancangan kewangan perlu dibuat dengan teliti untuk memastikan kecukupan dalam situasi kos hidup yang tinggi pada masa kini. Namun, apabila golongan pelajar ini berhadapan dengan

masalah ketidakcukupan kewangan, maka mereka mudah terdedah kepada tekanan dalam menguruskan kehidupan sehari-hari (Noraini et al., 2020). Sekiranya pelajar bijak mengurus kewangan sepanjang tempoh belajar, maka mereka boleh terhindar daripada terjerumus dengan masalah kewangan dan seterusnya terjebak dengan masalah tekanan. Dapatan kajian daripada Rubayah et al., (2015) mendapati secara puratanya, tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar masih pada tahap sederhana. Walaupun kita mempunyai kebebasan dalam kewangan, namun kita juga memerlukan perancangan kewangan yang betul. Pelajar perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam mengurus kewangan termasuklah membayar bil, simpanan pelaburan, simpanan peribadi dan simpanan sewaktu kecemasan. Segelintir pelajar perlu membantu keluarga dalam hal kewangan dan mereka tiada pilihan lain selain menggunakan wang pengajian yang diperolehi sama ada secara pinjaman atau biasiswa untuk meneruskan kehidupan. Ada juga pelajar yang perlu bekerja sambilan demi membantu keluarga yang mengalami masalah kewangan. Tetapi ada juga pelajar yang bekerja sambilan hanya kerana untuk memperolehi duit sendiri dan menggunakan untuk kegunaan peribadi. Kebiasaan pelajar sedemikian adalah tergolong daripada keluarga yang berkemampuan.

Menurut laporan berita daripada Sinar Harian bertarikh 20 Julai 2020, pakar kewangan pengguna dan ahli akademik meluahkan kebimbangan mengenai peningkatan besar-besaran jumlah individu muflis menjelang tamatnya tempoh moratorium pada 30 September ini. Hal ini menunjukkan, kemahiran pengurusan kewangan yang betul dan berhemah adalah satu kemahiran yang sangat penting dan baik untuk diketahui dan dipelajari terutamanya golongan mahasiswa berikut pelbagai masalah kewangan yang dialami oleh mereka seperti terpaksa melakukan pelbagai kerja sambilan walaupun mempunyai sumber pembiayaan dalam pengajian. Kerapkali juga mendengar keluhan dan rungutan daripada mahasiswa kerana ketidakcukupan wang perbelanjaan setiap semester. Ada juga segelintir pelajar yang enggan membeli buku rujukan utama disebabkan kesempitan wang walaupun buku rujukan tersebut memang diperlukan sewaktu pembelajaran dan pengajaran (pdp) berjalan. Ini mungkin boleh menyebabkan proses pembelajaran terganggu dan pelajar kurang fokus semasa pdp berjalan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kedudukan atau status kewangan pelajar semasa dalam pengajian dan mengenalpasti kesan yang dihadapi oleh pelajar yang menghadapi masalah kewangan. Kajian ini dijalankan ke atas 112 orang pelajar Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

## **SOROTAN KAJIAN**

Sorotan kajian ini meliputi perbincangan daripada dapatan dan kajian lepas berkenaan amalan pengurusan kewangan, gelagat perbelanjaan serta kesan daripada masalah kewangan yang dihadapi.

Pengurusan kewangan ditakrifkan sebagai kebolehan seseorang untuk menguruskan sesuatu yang berkaitan dengan wang dalam kehidupan sehari-hari. Pengurusan kewangan merupakan gabungan pengetahuan kewangan, kesedaran, kemahiran, kebolehan, sikap dan tingkah laku yang diperlukan untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan kewangan secara berhemah (Murugiah, 2016). Menurut Alecia Puyu dan Anuar Ahmad (2017), pengurusan kewangan dan corak perbelanjaan adalah amat penting bagi memastikan wang dibelanjakan dengan bijak supaya kita tidak menghadapi masalah kesempitan wang berikut hal inilah yang sering dihadapi oleh golongan mahasiswa, tidak kira lah mahasiswa dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Menurut kajian Salbiah Nur Shahrul Azmi et al., (2018) menyatakan bahawa pengamalan pengurusan kewangan adalah saling bergantung dengan pengetahuan dan kemahiran yang dipraktikkan oleh seseorang individu. Pengurusan kewangan juga tidak hanya tertumpu kepada individu

tetapi ia juga berperanan bagi memastikan kedudukan kewangan sesebuah negara stabil dan dapat mengurangkan risiko berlakunya krisis kewangan. Manakala menurut kajian Nor Ayu (2017) mendapati kesedaran amalan pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar Politeknik Hulu Terengganu berada pada tahap sederhana dengan catatan min purata sebanyak 3.22. Ketua Jabatan Pendidikan Kewangan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Nor Akmar Yaakub, berkata pengurusan kewangan lemah yang disebabkan beberapa faktor seperti pendapatan kecil, perbelanjaan tidak teratur serta kurangnya motivasi dan disiplin menyebabkan seseorang individu itu gagal mengatur kewangannya dengan sihat.

Perkembangan zaman yang semakin maju dan moden pada masa kini menuntut semua individu untuk memiliki pengetahuan yang meluas dalam pelbagai bidang. Pelbagai persoalan wujud sama ada golongan mahasiswa mampu untuk mentadbir kewangan dengan baik dan berhemah atau sebaliknya. Pelajar perlu bijak membezakan antara keperluan dan kehendak mereka sekiranya hendak membeli sesuatu. Hal ini semakin kritikal apabila pelajar seringkali merasakan keperluan mereka semakin meningkat walaupun pada ketika itu elau, pinjaman atau biasiswa tidak bertambah setiap tahun yang mendorong kepada berlakunya peningkatan dalam perbelanjaan mereka (Hallman & Resenbloom, 1993). Daripada kajian Norlaila et al.(2019), dapatkan kajian menunjukkan pelajar yang paling ramai menghadapi masalah kewangan adalah terdiri daripada penerima pinjaman PTPTN. Masalah ini wujud disebabkan jumlah pinjaman yang diterima bergantung kepada pendapatan ibu bapa. Menurut kajian Wan Mustafa et al. (2013) mendapati kebanyakkhan pelajar menghabiskan wang mereka ke arah bukan akademik berbanding akademik. Ketidakcukupan wang perbelanjaan ini menyebabkan mereka terperangkap dengan belenggu masalah kewangan. Hasil kajian Norain et al. (2019) mendapati kebanyakkhan pelajar yang bermasalah kewangan ini datang daripada keluarga berpendapatan rendah (B40), maka mereka turut memberi sedikit wang biasiswa atau pinjaman untuk membantu keluarga (24.3%) dan dalam masa yang sama mereka turut mengasingkan 10 peratus daripada wang biasiswa atau pinjaman untuk tujuan simpanan.

Konflik pengurusan kewangan sebenarnya timbul disebabkan wujudnya kekeliruan dalam mengenalpasti antara barang keperluan atau kehendak dalam kalangan pelajar kerana kurangnya ilmu tentang pengurusan kewangan dalam diri mereka. Kekurangan kemahiran merancang kewangan boleh mendatangkan masalah kewangan kepada individu itu sendiri (Mohamad Fazli et al., 2008). Menurut kajian Mohd Zainal (2004) menyatakan faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar ialah taraf sosioekonomi seseorang yang mana mendorong pelajar sama ada bersemangat atau tidak bersemangat untuk menimba ilmu. Justeru itu sumber kewangan yang terbatas pasti akan mewujudkan rasa rendah diri dalam diri seseorang pelajar dan membuatkan personaliti pelajar terjejas. Mereka boleh menjadi pendiam dan tidak bersosial bersama rakan-rakan. Perkara ini juga akan membawa kepada penurunan prestasi dalam akademik kerana kurangnya interaksi dalam menimba ilmu pengetahuan (Norlaila et al., 2018). Masalah kewangan yang melanda seseorang individu boleh menyebabkan individu terbabit sentiasa berada dalam keadaan runsing, tertekan dan murung. Perkara ini disebabkan seseorang itu sering ketiadaan wang dan akhirnya boleh membawa kepada banyak gejala sosial yang tidak sihat seperti peras ugut, merompak, mencuri dan lebih serius lagi cenderung untuk membunuh diri (Nurul Aini Muhammad, 2016).

## METODOLOGI

### **Reka bentuk kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kewangan pelajar dan kesannya terhadap gelagat perbelanjaan mereka. Kajian ini dijalankan di Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajian ini melibatkan 112 orang responden yang

dipilih berdasarkan persampelan bertujuan pada sesi II, 2020/2021. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan data yang diperolehi adalah melalui borang soal selidik yang diadaptasi dalam bentuk *google form*. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan program IBM SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) versi 26.

### **Instrumen kajian**

Borang soal selidik dibahagikan kepada enam bahagian yang terdiri daripada soalan *close-ended* dan berbentuk skala likert. Bahagian pertama terdiri daripada latar belakang responden seperti jantina, tahun pengajian, program pengajian, umur, purata nilai gred keseluruhan (PNGK), pendapatan isi rumah/ ibu bapa dan sumber kewangan pengajian. Bahagian kedua pula untuk melihat gelagat perbelanjaan responden terhadap kewangan. Bahagian ketiga terdiri daripada soalan yang berkaitan dengan amalan pengurusan kewangan. Bahagian keempat terdiri daripada soalan yang berkaitan kekangan kewangan. Seterusnya, bahagian yang kelima adalah berkaitan kesan daripada masalah kewangan terhadap prestasi akademik, tahap tekanan dan keperibadian pelajar. Bahagian yang keenam merupakan soalan yang berkaitan dengan langkah-langkah untuk mengurangkan tekanan dalam kalangan pelajar sekiranya menghadapi masalah kewangan dalam kehidupan sehari-hari sepanjang tempoh pengajian. Hasil dapatkan kajian dianalisis dan dipaparkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan peratusan dan skor min. Nilai skor min dikelaskan kepada tiga tahap iaitu:

**Jadual 1: Nilai dan tahap skor min**

<b>Skor Min</b>	<b>Tahap Skor Min</b>
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

Sumber: Redzuwan Mohd Yunus, 2012

Nilai pekali Cronbach Alpha (kebolepercayaan) yang diperoleh daripada hasil kajian rintis dan kajian sebenar dianalisis dan dibandingkan dengan Jadual Nilai Kebolehpercayaan (Lim, 2007) bagi mengenalpasti item yang memerlukan penambahbaikan atau disingkirkan dari instrumen kajian yang dibina (Jadual 2).

**Jadual 2: Nilai Cronbach Alpha (Kebolehpercayaan)**

<b>Nilai Pekali</b>	<b>Tahap Kebolehpercayaan</b>
0.90 atau lebih	Amat baik
0.80 – 0.89	Baik
0.60 – 0.79	Sederhana
0.40 – 0.59	Diragui
0.00 – 0.39	Ditolak

Sumber: Lim, 2007

Kebolehpercayaan konstruk instrumen yang dibina dalam kajian ini telah diuji dengan melakukan analisis Cronbach Alpha. Berdasarkan Jadual 3, didapati bahawa nilai Cronbach Alpha adalah di antara julat 0.671 hingga 0.744. Manakala nilai keseluruhan Cronbach Alpha bagi instrument penilaian ialah 0.754. Ini menunjukkan bahawa instrument penilaian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima kerana melebihi daripada 0.6 (Mohd Najib, 2005). Kesemua nilai Cronbach Alpha menunjukkan pada tahap kebolehpercayaan sederhana (Lim, 2007).

**Jadual 3: Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian**

Konstruk	Nilai Cronbach Alpha (kebolehpercayaan)
Gelagat perbelanjaan	0.744
Pengurusan kewangan	0.730
Kekangan kewangan	0.722
Kesan terhadap prestasi akademik	0.707
Kesan terhadap tekanan	0.671
Kesan terhadap keperibadian	0.744

## PERBINCANGAN KAJIAN

### Latar Belakang Responden

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan daripada analisis soalan selidik yang diedarkan melalui atas talian. Bahagian ini bertujuan untuk melihat secara keseluruhan demografi responden. Jadual 4 menunjukkan kekerapan (frekuensi) dan peratusan bagi responden iaitu seramai 112 pelajar. Daripada 112 responden, kebanyakkan responden terdiri daripada pelajar perempuan iaitu sebanyak 67 peratus, berumur di antara 19 hingga 21 tahun (75 peratus), memperolehi purata nilaiang gred keseluruhan (PNGK) di antara 3.00 hingga 3.49 (46.43 peratus) dan pendapatan ibu bapa adalah kurang daripada RM5,000 iaitu mencatatkan 58.04 peratus. Ini menunjukkan bahawa kebanyakkan latar belakang keluarga responden adalah merupakan kumpulan berpendapatan rendah iaitu dikenali sebagai B40 yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM5,000. Manakala didapati sumber kewangan pengajian adalah kebanyakkan daripada PTPTN iaitu mencatatkan 58.93 peratus. Hal ini disebabkan kerana pendapatan ibu bapa yang mungkin tidak dapat menanggung sepenuhnya pembiayaan pengajian mereka. Terdapat 8 orang responden (7.14 peratus) yang mendapat tajaan pengajian selain daripada JPA, PTPTN dan ibu bapa iaitu tajaan daripada Lembaga Zakat Selangor, Yayasan Sarawak, Zakat Asnaf

**Jadual 4: Latar belakang responden**

Latar belakang responden	Kekerapan, n	Peratus, %
Jantina	Lelaki	45
	Perempuan	67
Tahun Pengajian	1	43.75
	2	28.57
	3	27.68
	4	0
Program pengajian	MS31	14.29
	MS32	31.25
	MS33	18.75
	MS34	8.04
	BB01	15.18
	BB08	12.50
Umur	19 – 21	75
	22 – 24	21.43
	>24	3.57
Purata nilaiang gred keseluruhan	3.67 – 4.00	22.32
	3.50 – 3.66	17.86
	3.00 – 3.49	46.43
	<2.99	13.39
Pendapatan isi rumah/ ibu bapa	Kurang daripada RM5,000	58.04

	RM5,000 hingga RM10,000	0	0.00
	Lebih daripada RM10,000	47	41.96
Sumber kewangan pengajian	JPA	0	0.00
	PTPTN	66	58.93
	Ibu bapa	38	33.93
	Lain-lain	8	7.14
Adakah anda mengalami masalah kewangan semester ini	Ya	48	42.86
	Tidak	64	57.14

Jadual 5 menunjukkan responden yang menghadapi masalah kewangan berdasarkan sumber kewangan yang digunakan untuk membiayai pengajian di KUIS. Dapatkan mendapati responden yang mengalami masalah kewangan adalah terdiri daripada pelajar yang menerima pinjaman PTPTN iaitu seramai 33 orang, 68.75%. ini akan membebankan lagi pelajar apabila pendapatan ibu bapa adalah dalam kategori B40. Pelajar yang dibiayai sepenuhnya oleh ibu bapa mencatatkan sebanyak 22.92% dan selebihnya adalah dibiayai oleh sumber lain iaitu lembaga Zakat.

**Jadual 5: Responden Yang Menghadapi Masalah Kewangan Berdasarkan Sumber Pembiayaan Pengajian**

Sumber pembiayaan pengajian	Status masalah kewangan				Jumlah, n	
	Ya		Tidak			
	Kekerapan, n	Peratus, %	Kekerapan, n	Peratus, %		
JPA	0	0.00	0	0.00	0	
PTPTN	33	68.75	33	51.56	66	
Ibu bapa	11	22.92	27	42.19	38	
Lain-lain	4	8.33	4	6.25	8	
<b>Jumlah</b>	<b>48</b>	<b>100</b>	<b>64</b>	<b>100.00</b>	<b>112</b>	

Jadual 6 menunjukkan responden yang menghadapi masalah kewangan berdasarkan pendapatan ibu bapa. Hasil kajian ini mendapati kebanyakan latar belakang responden terdiri daripada golongan yang berpendapatan dalam lingkungan RM5,000 hingga RM10,000 atau dikategorikan sebagai B40 iaitu mencatatkan 68.75%. Ini memberi gambaran bahawa kebanyakan pelajar di dalam kajian ini menghadapi masalah kewangan dalam pengajian kerana pendapatan ibu bapa di antara RM5,000 hingga RM10,000 dan seterusnya hal ini perlu diberi perhatian oleh pihak universiti. Hasil kajian juga mendapati sebanyak 42.19% pelajar yang tidak menghadapi masalah kewangan adalah berasal dari keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah lebih daripada RM10,000.

**Jadual 6: Pendapatan Ibu Bapa Responden Yang Menghadapi Masalah Kewangan**

Pendapatan isi rumah/ ibu bapa	Status masalah kewangan				Jumlah, n	
	Ya		Tidak			
	Kekerapan, n	Peratus, %	Kekerapan, n	Peratus, %		
Kurang RM5,000	36	75	29	45.3%	65	
RM5,000 hingga RM10,000	0	0	0	0	0	
Lebih daripada RM10,000	12	25	35	54.7%	47	
<b>Jumlah</b>	<b>48</b>	<b>100</b>	<b>64</b>	<b>100.00</b>	<b>112</b>	

### Gelagat Perbelanjaan Kewangan

Bahagian ini akan mengupas lanjut tentang gelagat perbelanjaan dalam kalangan pelajar yang sama ada yang mempunyai masalah kewangan atau sebaliknya. Jadual 7 menunjukkan gelagat perbelanjaan pelajar yang menghadapi masalah kewangan. Hasil dapatan menunjukkan pelajar yang mengalami masalah kewangan lebih mengutamakan pembelian buku akademik iaitu mencatatkan min 4.21. Pelajar juga didapati mengasingkan 10% daripada

wang biasiswa ayau pinjaman untuk simpanan. Ini menunjukkan pelajar yang mengalami masalah kewangan lebih berbelanja secara berhemah dengan memberi peruntukan lebih kepada keperluan akademik. Selain itu, memandangkan pelajar yang mengalami masalah kewangan ini datang dari keluarga yang berpendapatan rendah, mereka akan memberi sedikit wang biasiswa atau pinjaman untuk membantu keluarga.

**Jadual 7: Gelagat Perbelanjaan Responden yang Mengalami Masalah Kewangan**

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
Keperluan akademik seperti buku teks.	4.21	0.824
Melancong bersama rakan-rakan semasa cuti semester.	2.29	1.220
Memberi sedikit wang biasiswa atau pinjaman untuk membantu keluarga.	3.62	1.064
Mengasingkan 10% daripada wang biasiswa atau pinjaman untuk simpanan.	4.08	0.919
<b>Keseluruhan</b>	<b>3.5521</b>	<b>0.56952</b>

Jadual 8 menunjukkan gelagat perbelanjaan pelajar yang tidak mengalami masalah kewangan. Kajian mendapati pelajar menggunakan wang untuk keperluan akademik mencatatkan skor min yang tertinggi iaitu 4.20. Dapat dilihat, pelajar yang tidak mengalami masalah kewangan menggunakan wang biasiswa atau pinjaman mereka untuk melancong Bersama rakan-rakan semasa cuti. Ini menunjukkan kemungkinan mereka ada mengasingkan wang untuk tujuan selain daripada pembelajaran. Maka tidaklah menghairankan apabila terdapat segelintir pelajar yang membelanjakan wang yang ada bukan untuk keperluan akademik, tetapi untuk hiburan seperti melancong bersama-sama rakan (Noor A'lim, 2005).

**Jadual 8: Gelagat Perbelanjaan Responden yang Tidak Mengalami Masalah Kewangan**

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
Keperluan akademik seperti buku teks.	4.20	.800
Melancong bersama rakan-rakan semasa cuti semester.	2.77	1.192
Memberi sedikit wang biasiswa atau pinjaman untuk membantu keluarga.	3.33	1.169
Mengasingkan 10% daripada wang biasiswa atau pinjaman untuk simpanan.	3.56	1.194
<b>Keseluruhan</b>	<b>3.4648</b>	<b>.69131</b>

### Amalan Pengurusan Kewangan

Seterusnya bahagian ini mengupas lanjut berkenaan dengan amalan pengurusan kewangan responden yang mengalami masalah kewangan (Jadual 9) dan tidak mengalami masalah kewangan (Jadual 10). Hasil kajian mendapati skor min yang tertinggi bagi kedua-dua status kewangan pelajar ialah didapati pelajar membuat akaun simpanan asing di mana akaun itu tidak akan diusik kecuali untuk kecemasan. Ini menunjukkan bahawa setiap responden mempunyai kesedaran dalam mengurus kewangan dengan bijak untuk memastikan proses pembelajaran dan pengajian dapat diteruskan. Dari hasil dapatan ini juga didapati responden yang mengalami masalah kewangan akan melibatkan diri dalam perniagaan untuk menambah pendapatan mereka demi kelangsungan kos sara hidup yang makin meningkat pada masa kini. Secara keseluruhannya, didapati pengurusan kewangan pelajar adalah berada pada tahap sederhana dalam mengurus kewangan secara bijak. Ini kerana pelajar mungkin kurang pengetahuan atau pendedahan berkenaan dengan cara pengurusan dan penggunaan dengan baik dan cermat.

**Jadual 9: Amalan Pengurusan Kewangan bagi Responden yang Mengalami Masalah Kewangan**

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
Anda membuat akaun simpanan asing di mana akaun itu tidak akan diusik kecuali untuk kecemasan.	4.10	1.096
Anda menyimpan setiap resit pembelian untuk mengetahui ke mana wang dibelanjakan.	3.96	0.944
Anda mengikuti kursus pengurusan kewangan peribadi sama ada secara offline atau online.	2.98	1.139
Anda membuat catatan duit keluar dan masuk supaya dapat mengehadkan perbelanjaan yang tidak perlu.	3.67	1.078
Anda membuat simpanan di dalam balang dengan mengasingkan warna wang seperti RM1, RM5, RM20	3.00	1.185
Saya mempunyai sekurang-kurangnya 2 sumber pendapatan setiap bulan.	2.54	1.031
Saya melibatkan diri dalam perniagaan untuk menambah pendapatan saya.	3.81	1.299
Keseluruhan	3.4375	0.68569

**Jadual 10: Amalan Pengurusan Kewangan bagi Responden yang Tidak Mengalami Masalah Kewangan**

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
Anda membuat akaun simpanan asing di mana akaun itu tidak akan diusik kecuali untuk kecemasan.	3.59	1.244
Anda menyimpan setiap resit pembelian untuk mengetahui ke mana wang dibelanjakan.	3.45	1.208
Anda mengikuti kursus pengurusan kewangan peribadi sama ada secara offline atau online.	2.64	1.089
Anda membuat catatan duit keluar dan masuk supaya dapat mengehadkan perbelanjaan yang tidak perlu.	3.41	1.231
Anda membuat simpanan di dalam balang dengan mengasingkan warna wang seperti RM1, RM5, RM20	2.59	1.218
Saya mempunyai sekurang-kurangnya 2 sumber pendapatan setiap bulan.	2.41	1.218
Saya melibatkan diri dalam perniagaan untuk menambah pendapatan saya.	3.08	1.429
Keseluruhan	3.0246	0.80594

### Kesan terhadap Masalah Kewangan

Bahagian ini membincangkan hasil analisis kesan terhadap pelajar yang mengalami masalah kewangan. Pengurusan kewangan yang tidak betul boleh mengakibatkan pelajar menhadapi tekanan dalam meneruskan kehidupan harian. Terdapat tiga kesan yang dilihat dalam kajian ini iaitu kesan terhadap prestasi akademik, kesan terhadap tekanan mahasiswa dan kesan terhadap keperibadian mahasiswa. Jadual 11 menunjukkan dapatan kajian berkaitan kesan terhadap prestasi akademik rentetan daripada masalah kewangan yang dihadapi. Dapatkan menunjukkan item yang tertinggi ialah pada min 3.31 iaitu fokus untuk belajar akan terganggu kerana masalah kewangan. Manakala item yang terendah ialah pada min 2.50 iaitu tidak dapat hadir ke kelas kerana berasa tertekan dengan masalah yang dihadapi. Dapatkan ini juga disokong oleh Mastura Mahfar, Fadilah Zaini dan Nor Akmar Nordin (2007), yang menyatakan punca stress di kalangan pelajar kolej dibahagikan kepada faktor akademik, kewangan, kesihatan dan masa.

**Jadual 11: Kesan terhadap Prestasi Akademik**

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
Tidak dapat menyiapkan tugas yang diberi dalam masa yang ditetapkan apabila menghadapi masalah kewangan.	2.79	1.202

Tidak dapat hadir ke kelas kerana berasa tertekan dengan masalah kewangan yang dihadapi.	2.50	1.255
Tidak dapat menjawab peperiksaan dengan baik apabila menghadapi masalah kewangan.	2.52	1.111
Fokus untuk belajar juga akan terganggu kerana masalah kewangan.	3.31	1.170
<b>Keseluruhan</b>	<b>2.7813</b>	<b>0.97526</b>

Jadual 12 menjelaskan bahawa pengurusan kewangan yang lemah akan menyebabkan tekanan kepada pelajar. Didapati kebanyakkan pelajar yang mengalami masalah kewangan berasa kecewa apabila tidak dapat membantu keluarga yang memerlukan wang. Ini menunjukkan bahawa pelajar adalah berasal dari keluarga yang kurang berkemampuan. Oleh itu, Pihak universiti juga perlu menyediakan program-program yang berbentuk motivasi dan kesedaran dalam pengurusan kewangan untuk mengelakkan dari berlakunya masalah tekanan kepada pelajar.

**Jadual 12: Kesan terhadap Tekanan Mahasiswa**

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
Saya berasa tertekan dan murung apabila menghadapi masalah kewangan.	3.46	1.031
Saya berasa kecewa kerana tidak pandai menguruskan perbelanjaan peribadi	3.58	1.127
Saya berasa kecewa apabila tidak dapat membantu keluarga yang memerlukan wang.	4.02	1.139
Saya berasa tertekan apabila tidak dapat menyertai kawan-kawan untuk melancang kerana kekurangan wang.	2.98	1.451
Saya berasa tertekan apabila ibu bapa meminta bantuan kewangan setelah wang biasiswa/pinjaman diperoleh.	2.58	1.318
Kesihatan saya akan terjejas jika mempunyai masalah kewangan yang serius.	2.73	1.349
Saya merasa malu kepada kawan-kawan jika tidak mempunyai wang.	2.83	1.449
Keputusan peperiksaan saya juga terjejas kerana terpaksa bahagikan masa untuk belajar dan bekerja.	3.19	1.331
<b>Keseluruhan</b>	<b>3.1719</b>	<b>0.77983</b>

Jadual 13 menunjukkan tahap kesan terhadap keperibadian pelajar yang mengalami masalah kewangan. Dapatan menunjukkan item yang tertinggi ialah pelajar berdiam diri daripada orang sekeliling ketika menghadapi masalah kewangan. Secara tidak langsung ini akan memberi kesan negatif kepada personality pelajar. Mereka sukar untuk berkongsi masalah atau bertanya pendapat daripada orang lain walaupun mereka sedang menghadapi masalah kewangan. Oleh itu, masyarakat sekeliling terutamanya keluarga, rakan-rakan, pensyarah dan pihak universiti perlu memainkan peranan penting dengan memberi sokongan moral dan bantuan sama ada dalam bentuk barang atau wang sekiranya berkemampuan.

**Jadual 13: Kesan terhadap Keperibadian Mahasiswa**

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
Berkurung di dalam bilik apabila tidak dapat menyelesaikan masalah kewangan.	2.62	1.362
Berdiam diri daripada orang sekeliling ketika menghadapi masalah kewangan	3.40	1.284
Tidak akan meminta pendapat orang lain bagi menyelesaikan masalah kewangan.	2.67	1.310
<b>Keseluruhan</b>	<b>2.8958</b>	<b>1.07882</b>

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Daripada analisis didapati pelajar yang mengalami masalah kewangan adalah dari keluarga yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan atau dikategori sebagai B40. Keadaan akan bertambah sulit apabila bilangan anak yang ditanggung oleh ibu bapa lebih dari seorang. Justeru itu, dapatan mendapati pelajar yang mengalami masalah kewangan ini mendapat pinjaman daripada PTPTN sebagai sumber untuk meneruskan pengajian dan hanya segelintir sahaja yang mendapat bantuan daripada Lembaga zakat. Keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar perlu bijak mengurus wang yang diperolehi dengan berhemah untuk pengajian dan mungkin juga ada yang menggunakan wang tersebut untuk membantu keluarga. Tidak hairanlah jika ada pelajar yang perlu membuat kerja sambilan demi menampung kehidupan mereka. Secara dasarnya, sekiranya kita hendak berbincang mengenai wang, maka kemungkinan perkara ini tiada penamatnya. Oleh itu, dalam keadaan pandemik, pelajar perlu bijak dan disiplin dalam menilai antara kehendak dan keperluan yang sebenar ketika membeli. Pihak kerajaan dan bukan kerajaan juga hendaklah memperkasakan lagi tawaran pembiayaan pendidikan terutamanya kepada pelajar yang berasal dari keluarga yang berpendapatan rendah. Jumlah pembiayaan juga perlu ditingkatkan selari dengan peningkatan kos sara hidup pada masa kini agar wang yang diperolehi cukup untuk menampung pembelajaran dan perbelanjaan setiap semester.

## Rujukan

- Alecia,P., & Anuar, A. (2017). Pola perbelanjaan dalam kalangan mahasiswa: satu kajian perbandingan antara ipta dan ipsi.
- Berita Kampus.(2015). Pelajar IPT perlu bijak uruskan wang. Retrieved from <http://www.beritakampus.usm.my/index.php/berita/rencana/1833-pelajar-ipt-perlu-bijakuruskan-wang>
- Hairunnizam, W., & Siti, A. Z. (2020). Literasi kewangan dan kesannya terhadap gelagat perbelanjaan mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(1): 27-43.
- Hallman, G. V. dan Rosenbloom, J. S. (1993). Personal financial planning. United State of America: McGraw-Hill Inc.
- Lim Chong Hin. (2007). Selangor: McGraw- Hill (Malaysia).
- Liza Mokhtar. (2020). Kes muflis dijangka naik enam peritus. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/92968/LAPORAN-KHAS/Kes-muflis-dijangka-naik-enam-peratus>
- Mastura, M., Fadilah, A., & Nor Akmar, N. (2007). Analisis faktor penyebab stres di kalangan pelajar. Dimuat turun pada 12 Mei 2018, dari <https://core.ac.uk/download/pdf/11784030.pdf>
- Mohamad Fazli, S., MacDonald, M., Jariah, M., Laily, P., Tahira, K. H. & Mohd Amin, O. (2008). Financial behavior and problems among college students in Malaysia: Research and Education Implication. *Consumer Interests Annual* Volume 54, 166-170.
- Mohd Nasaruddin Parzi. (2020). Pengurusan kewangan lemah punca gagal menyimpan. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/748282/pengurusan-kewangan-lemah-punca-gagal-menysimpan>
- Mohd Zainal, M.I. (2004). Hubungan di antara status sosio ekonomi keluarga dengan pencapaian akademik: Satu kajian ke atas pelajar aliran teknikal di Sekolah Menengah Teknik

Negeri Sembilan. Universiti Tun Hussein Onn. Thesis Sarjana, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Murugiah, L. (2016). The level of understanding and strategies to enhance financial literacy among Malaysians. *International Journal of Economics and Financial Issues*, 130-139.

Nor Ayu binti Awang Siman. (2017). Kesedaran pengurusan kewangan yang baik dalam Kalangan pelajar Politeknik Hulu Terengganu.

Norlaila, A.B., Norain, M.A., Iman, A. L., & Suhaila, S.(2019). Masalah kewangan dan tekanan dalam kalangan mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(2): 113-120.

Norain, M.A., Norlaila, A.B., Iman, A. L., & Suhaila, S.(2019). Masalah kewangan dan tekanan dalam kalangan mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(2): 113-120.

Noor A'lim, M.Y. (2005). Ringgit dan poket. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Nurul Aini Muhammad. (2016). Wang uruslah dengan bijak. Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan. Dimensi Koop, Bil.50.

Rubayah Yakob, H. J. (2015). Tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti awam: Kajian Universiti Kebangsaan Malaysia.

Salbiah, N. S. A., Suzana, A. R., Suhailah, I., Nurulhayah, M. & Maryam, M. E. (2018). Amalan pengurusan kewangan mahasiswa. *Jurnal Inovasi Perniagaan*. 9-23.

Wan Mustaffa, W.Y., Abd Razak, M., & Wan Mohd Rashid, W.A. (2013). Corak perbelanjaan dalam kalangan pelajar politeknik: Satu kajian kes di Politeknik Tuanku Sulatanah Bahiyah. Technical and Education Colloquium (PTSB).